

9 MAC 2018

GRO disyarat beli, jual pada pelanggan remaja

GRO disyarat beli, jual pada pelanggan remaja

Kuala Lumpur: Dadah campuran perisa buah-buahan dalam bentuk paket didapati diedarkan secara aktif di pusat hiburan dengan menjadikan pelayan pelanggan (GRO) dan pengunjung remaja sebagai sasaran.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Izhar Abu Talib berkata, kegiatan itu dikesan melalui operasi dijalankan pihaknya di pusat hiburan sekitar Lembah Klang.

"Hasil serbuan dan siasatan kami mendapati konco sindiket pengedaran dadah serbuk berperisa buah-buahan dikesan giat memujuk golongan muda untuk mencuba.

"Malah, kami mengenal pasti segelintir pengusaha pusat hiburan meletakkan syarat GRO membeli dan membawa paket serbuk

berperisa dadah itu untuk dijadikan minuman ketika melayan pelanggan muda dalam kalangan remaja atau belia.

"Ini membolehkan 'perniagaan' mereka semakin berkembang susulan dadah dijual mendapat permintaan tinggi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Izhar berkata, pihaknya pernah menahan remaja di pusat hiburan dan didapati positif dadah ekstasi.

"Dadah campuran perisa epal dan mangga memang sudah ada pasaran sebelum ini dan sangat popular dalam kalangan pengunjung pusat hiburan kerana mudah dilarutkan dalam

minuman," katanya.

Beliau berkata, sebaik dadah ekstasi dalam bentuk serbuk itu dilarutkan dalam minuman, ia sukar dikesan dengan mata kasar dan bau.

"Pengambilan dadah itu hanya dapat dikesan melalui ujian saringan air kencing.

"Bungkusan yang

menarik juga mudah mempengaruhi penagih dadah untuk membeli dan mencuba dadah berperisa itu," katanya.

ANTARA peralatan memproses dadah yang dirampas dalam serbuan.

